

09/01/2002

Gunakan sepenuhnya peruntukan demi rakyat

BAGI sesetengah negara di dunia, kerajaan mereka terpaksa menggunakan pelbagai sumber untuk melaksanakan projek pembangunan. Akibat ketiadaan wang, kerajaan negara berkenaan sanggup meminjam, walaupun dengan kadar faedah yang tinggi ditetapkan oleh institusi, bank atau negara lain. Mereka rela berbuat demikian walaupun dipaksa menandatangani dokumen yang boleh menyebabkan negara mereka tergadai. Di negara ini pula, peruntukan yang begitu besar disediakan, malangnya tidak digunakan sepenuhnya. Sejumlah besar peruntukan pembangunan sepanjang tahun lalu, termasuk pakej rangsangan fiskal, gagal dibelanjakan.

Sebelum ini, kerajaan sudah pun menegaskan pentingnya peruntukan yang disediakan dibelanja untuk menjana pertumbuhan positif bagi keseluruhan 2001. Inilah sebenarnya matlamat pakej rangsangan fiskal dua peringkat yang membabitkan RM3 bilion sebagaimana diumumkan Mac dan RM4.3 bilion pada September tahun lalu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini pernah memberi amaran bahawa kerajaan mungkin mengambil balik baki pakej rangsangan fiskal berjumlah RM7.3 bilion itu yang gagal dibelanjakan hingga 31 Disember ini. Amaran itu dikeluarkan bagi memastikan peruntukan yang disediakan itu dimanfaatkan sepenuhnya bagi membolehkan ekonomi negara terus digerakkan dan tetap berkembang.

Bila projek pembangunan berjalan lancar, bahan binaan dapat dijual dan pelbagai perkhidmatan sampingan perlu disediakan, manakala peluang pekerjaan pula dapat diadakan. Ini membolehkan pekerja menerima ganjaran dan boleh pula berbelanja untuk pelbagai keperluan keluarga. Dengan itu peniaga dan pengeluar barang serta syarikat yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dapat bergerak dan ekonomi terus dijana.

Malangnya, peruntukan yang begitu besar disediakan tidak dapat dibelanja untuk dilaksanakan pelbagai projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat. Apakah ini disebabkan kerenah birokrasi? Dan bagaimana ia boleh berlaku? Apakah kerenah birokrasi ini berpunca daripada proses membuat keputusan dan pelaksanaan yang berlapis-lapis hingga rancangan dan fail projek terus tertimbun di atas meja tanpa tindakan? Keadaan demikian ini perlu diperbetulkan sekiranya Malaysia bercita-cita menjadi sebuah negara dinamik.

Kerajaan sudah menyediakan peruntukan secukupnya dalam usahanya memaju dan memakmurkan rakyat. Tetapi, dasar yang baik semata-mata tidak bermakna jika agensi pelaksana menghadapi pelbagai rintangan baik yang semula jadi mahupun yang dibuat-buat. Kerajaan perlu serius mengkaji apa sebenarnya yang menyebabkan wujud kelemahan ini dan menanganinya secara berkesan. Kalau tidak, hasrat murninya akan dipersoalkan dan rakyat yang tidak dapat menikmati usaha pembangunan akan menyalahkan kerajaan juga.

Kelemahan birokrasi boleh berlaku kerana tiga sebab - ketidakcekapan kakitangan agensi pelaksana, rasuah atau pun disengajakan ia itu usaha untuk mensabotaj kerajaan. Sekiranya kakitangan pelaksana sesuatu projek itu tidak cekap, mereka seharusnya diganti dengan yang lebih cekap. Kalau masalah pelaksanaan timbul kerana rasuah atau usaha untuk mensabotaj kerajaan, tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang terbabit. Rasuah tidak boleh dibiarkan berleluasa kerana ia boleh mematikan semangat pihak yang berurusan dengan pelaksana. Demikian juga unsur sabotaj akibat tindak tanduk sesetengah pihak yang berkedudukan dalam agensi pelaksana yang ingin memburukan imej kerajaan di mata rakyat, tidak boleh dibiarkan berleluasa.

( END )